

13/09/2003

Sirim akan disusun semula

KERAJAAN akan menyusun semula Sirim supaya institusi itu menjadi tumpuan bagi usaha mempertemukan kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan permintaan pasaran.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Sirim perlu mengenal pasti permintaan pasaran tempatan dan dunia terhadap produk dan teknologi baru.

"Kerajaan mahu membangunkan teknologi tempatan yang mengeluarkan produk berkualiti tinggi berjenama Malaysia menerusi galakan untuk mengkomersialkan hasil penyelidikan.

"Untuk itu, kerajaan akan meningkatkan perkembangan syarikat modal teroka swasta dengan menambah dana modal teroka bagi Malaysian Venture Capital Management (MAVCAP) sebanyak RM300 juta, menjadikan jumlah keseluruhan di bawah MAVCAP RM800 juta.

"Kerajaan juga menubuhkan Malaysian Debt Venture (MDV) dengan dana sebanyak RM650 juta serta Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) yang mempunyai dana modal teroka sebanyak RM1 bilion," katanya.